

21 FEB 1998

TINDAKAN AKAN DIAMBIL TERHADAP PENGACAU, KATA KAYVEAS

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Parti Progresif Penduduk Malaysia (Baru) akan meluluskan satu resolusi pada mesyuarat agungnya di sini hari ini untuk mengambil tindakan terhadap 14 "pengacau" yang mengganggu parti itu.

Presiden PPP Datuk M. Kayveas hari ini berkata parti itu mungkin akan merujuk kepada jabatan peguam negara bertanyakan bagaimana ia boleh membantu menghentikan kegiatan mereka ini.

"Mereka ini sama ada dipecat atau merupakan bukan anggota parti yang mengeluarkan kenyataan tanpa persetujuan parti," katanya kepada pemberita selepas perasmian mesyuarat itu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Mesyuarat itu juga akan meluluskan satu resolusi menyokong Dr Mahathir dan kerajaan untuk meneruskan usaha-usaha menangani masalah ekonomi yang melanda negara.

PPP merupakan parti komponen Barisan Nasional (BN). -- BERNAMA
MAM RON